

# SEJARAH PUASA DAN ASAL USULNYA DALAM ISLAM

Sejarah puasa – soal *ru'yah* – berpuasa dengan hisab – dan segala yang bersangkut paut dengan syarat rukun dan sah batalnya, adalah dihuraikan dengan jelasnya oleh al-Ustādh ((al-Khaṭīb)) sebagaimana yang dipaparkan di bawah ini – pengarang.

Puasa menurut hukum syarak ialah menahan diri dari semua yang membatalkan puasa menurut aturan yang ditentukan.

Menurut *tawārikh* Islam, bahawa perintah berpuasa dalam Islam ialah pada tahun hijrah yang kedua. Pada bulan Ramaḍan tahun itu juga Rasulullah (SAW) telah mulai mengerjakan puasa bersama-sama sahabat dan umatnya. Sebelum itu pernah Rasulullah (SAW) berpuasa tiga hari dalam sebulan, tetapi itu bukanlah puasa yang diwajibkan.

## Kedudukan Puasa Dalam Islam

Rukun Islam yang lima itu, yang satu persatunya merupakan ((tiang)) dan asas bagi tegaknya Islam, adalah kesemuanya bersangkut paut antara satu dengan lain. Tidak dapat mengerjakan yang satu dengan meninggalkan yang lain atau dipilih mana disukai sahaja. Sebab kalau agama hendak ditegakkan dengan tiga atau empat rukun, maka akan terdiri suatu agama yang bukan Islam namanya dan orang-orang yang menegakkannya belum boleh dinamai Muslim.

Islam ialah suatu agama yang lapang dan sentiasa memberi kelapangan. Tidak meletakkan beban kewajipan kepada pemeluknya melainkan menurut peraturan yang patut, menurut kesanggupan yang dapat dikerjakan. Hal ini telah diterangkan oleh Allah ‘Azza wa Jalla di dalam al-Qur’ān al-Karīm, (maksudnya): ((Tuhan tidak

memberati diri seseorang melainkan sekadar kuasanya)). Contohnya: Perintah mengerjakan haji diberi syarat oleh Tuhan ‘Azza wa Jalla dengan ((kesanggupan)), iaitu sanggup kerana ada harta, sihat badan dan aman perjalanan. Demikian juga zakat, bersangkut dengan adanya harta, yang akan dizakatkan menurut nisabnya, iaitu apabila sampai kepada had banyak dan masanya, kita diwajibkan mengeluarkan zakat.

Demikian lapangnya. Tetapi jika tidak ada sebab yang menghalangi kita daripada mengerjakan dia, lalu kita tinggalkan rukun-rukun yang tersebut kerana kita memilih apa yang kita sukai, dan berpada dengan dua kalimah syahadah sahaja, maka itu belum di pandang yang kita beragama Islam.

Dalam sejarah ada disebutkan, bahawa ketika tersiar khabar kemangkatan Rasulullah (SAW) ada beberapa golongan dari beberapa daerah di semenanjung Arab yang telah berpaling tадah menjadi murtad, dan ada pula yang mengurangi rukun Islam, iaitu mereka enggan membayar zakat. Akhirnya mereka telah diperangi oleh Saidina Abū Bakar al-Šiddīq – khalifah Islam dan berjaya menundukkan mereka.

Semenjak puasa diwajibkan di dalam syariat Islam, maka Rasulullah (SAW) telah mengerjakan puasa bulan Ramadhan sebanyak sembilan kali. Hanya sekali

sahaja baginda puasa 30 hari dalam sebulan, yang lainnya hanya 29 hari sahaja. Tetapi walaubagaimana pun hitungannya sebulan juga dan sama sahaja darjat dan pahalanya.

Dalam hadis diriwayatkan oleh Bukhārī, bahawa Rasulullah pernah bersabda, (maksudnya):

((Hitungan sebulan itu ialah begini, begini dan begini)), lalu baginda memberi isyarat dengan dua tangannya, dengan membuka sepuluh jari dan mengangkat tangannya sebanyak tiga kali, sehingga menunjukkan jumlah tiga puluh. Kemudian baginda ulangi mengangkat tangan dengan membuka jari juga, tetapi pada isyarat yang ketiga kali, baginda lipatkan ibu jarinya iaitu menunjukkan 29.

Oleh itu dapatlah diketahui bahawa yang sebulan itu kadang-kadang ada tiga puluh hari dan ada yang dua puluh sembilan hari.

#### Yang Mewajibkan Puasa

Wajib berpuasa apabila telah masuknya bulan Ramadan itu dapat diketahui dengan beberapa jalan.

Pertama – dengan sebab melihat timbulnya ((anak bulan)) Ramadan.

Kedua – menyempurnakan bulan Sya‘bān tiga puluh hari,

Kedua-dua cara ini berdasarkan kepada keterangan Rasulullah (SAW) yang diriwayatkan oleh beberapa perawi hadis (*muttafaqun ‘alayhi*), daripada Abū Hurayrah, bahawa Nabi (SAW) bersabda (maksudnya):

((Berpuasalah kamu ketika kelihatan anak bulan dan berbukalah kamu kerana kelihatan anak bulan itu,

maka jika kamu tidak melihatnya kerana awan menutupnya, sempurnakanlah hitungan bulan Sya‘bān tiga puluh hari.))

Dalam soal melihat bulan, tidaklah dimestikan atau disyaratkan mesti semua orang melihatnya, tetapi memadailah oleh seorang yang terkenal benar dan jujur. Imam Abū Dāud dan ibn Ḥibbān meriwayatkan, bahawa ibn ‘Umar pernah meliat anak bulan Ramadān, lalu dikhabarkannya kepada Rasulullah (SAW), baginda pun terus berpuasa dan diperintahkannya orang ramai berpuasa.

Atau pula ada khabar yang jelas yang telah bersiar dalam kalangan orang ramai tentang kelihatan anak bulan awal Ramadān, yang demikian juga dapat diyakini kebenarannya, dan telah wajiblah berpuasa. Lebih-lebih lagi kalau berita itu datangnya dari pihak yang berkuasa.

#### Dari Hal Hisab

Keterangan ahli hisab ialah keterangan yang amat kuat dan dapat dipercayai dalam soal menetapkan awal Ramadān dan awal syawal. Kerana perhitungan yang hakiki dari ((hisab)) ialah kiraan yang putus (tepat dan tegas). Tingkatan orang-orang ahli hisab (ahli falak) jika dibandingkan dengan orang awam, yang hanya melihat anak bulan dengan mata kasar (*ru’yah al-basar*), tidak melihat dengan penglihatan mata pengetahuan yang dalam (*ru’yah al-baṣīrah*). Tentu lebih dapat diterima keterangan ahli hisab yang dalam penyelidikannya dan pada hakikatnya mereka menggunakan *ru’yah* juga, yang bukan sahaja mereka melihat dengan mata kepala tetapi dengan mata rohani yang lebih terang walaupun langit diselubungi oleh awan yang tebal. Mereka dapat melihat bulan dengan mata hatinya, dengan ilmunya.

Bagaimanakah kedudukan ((hisab)) ini dalam pandangan Quran dan hadis. Perhatikan keterangan yang diterangkan di bawah ini:

Firman Allah (maksudnya): ((Dan kami (Allah) jadikan matahari dan bulan itu tanda kebesaran kami, maka kami hapuskan tanda-tanda malam dan kami jadikan tanda-tanda siang itu terang benderang supaya kamu dapat mencari kurnia daripada Tuhanmu, dan supaya kamu dapat mengetahui bilangan tahun dan hisab)). (12, surah al-Isrā').

Dalam ayat yang lain ada dinyatakan, (maksudnya): ((Dialah Tuhan yang telah menjadikan matahari itu bersinar dan matahari itu berbahaya, dan ditentukan-Nya bagi bulan itu beberapa tempat peredarannya, iaitu gunanya supaya kamu dapat mengetahui bilangan tahun dan (hisab)); tiadalah Allah menjadikan yang demikian itu melainkan dengan hak, Allah menerangkan tanda-tanda kebesaran-Nya bagi kaum yang suka mengetahui.)) (15 surah Yūnus). [\*sepatutnya 5, surah Yūnus]

Ibn ‘Umar meriwayatkan, bahawa Rasulullah (SAW) bersabda (maksudnya): ((Apabila kamu melihatnya (anak bulan Ramadhan) berpuasalah kamu, dan apabila kamu melihatnya (anak bulan syawal) berbukalah kamu tetapi jika langit diselubungi awan, maka hitungkanlah.)) (*muttafaqun ‘alayhi*).

Maksud perkataan: ((maka hitungkanlah)) yang tersebut dalam hadis yang tertera di atas tadi ialah kiraan dengan jalan hisab, iaitu dengan menghitungkan peredaran bulan (*manāzil*).

#### Syarat Wajib Berpuasa

Seseorang Muslim itu diwajibkan puasa atasnya ialah dengan beberapa syarat:

#### 1- Berakal

#### 2- Baligh

Adapun kanak-kanak, maka orang tuanya diwajibkan melatih dan mendidik anak-anaknya berpuasa, samalah seperti halnya dalam mengerjakan sembahyang. Seorang bapa diperintahkan menyuruh anaknya sembahyang bila sampai umurnya tujuh tahun, dan memukulnya – kalau enggan – bila sampai umurnya sepuluh tahun.

3 – Berkusa mengerjakannya. Tidak diwajibkan puasa atas orang-orang yang tidak sanggup mengerjakannya, misalnya kerana tua atau sakit.

#### Syarat Sah Puasa

Puasa itu hanya sah dikerjakan apabila yang mengerjakannya itu ialah:

1 – Islam

2 – Tahu membezakan baik dan buruk.

3 – Suci daripada haid dan nifas.

4 – Berpuasa pada waktu yang dibenarkan. Tidak boleh puasa pada waktu yang terlarang, seperti pada Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidiladha, serta ketiga-tiga hari *tashrīq* (11, 12, dan 13 Dhū al-Hijjah). Larangan tersebut adalah berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Anas ibn Mālik.

#### Rukun Puasa

Pertama – berniat pada malam hari pada tiap-tiap hari bulan Ramadan.

Kedua – menahan diri dari semua yang membatalkan puasa.

#### Yang Membatalkan Puasa

Puasa itu menjadi rosak atau batal ialah

kerana:

1. Datang haid.
2. Nifas.
3. Berubah akal (rosak fikiran atau gila).
4. Makan dan minum, kecuali kalau terlupa.
5. Muntah yang disengaja.
6. Bersetubuh dengan sengaja.
7. Mengeluarkan mani dengan sengaja.
- Orang yang dibolehkan tidak puasa.
1. Orang sakit.
  2. Orang musafir.
  3. Orang tua yang sangat lemah.
  4. Perempuan hamil.
- Perbuatan sunat dalam puasa
1. Menyegerakan berbuka.
  2. Berbuka dengan makanan yang manis.
  3. Mengucapkan doa sesudah berbuka, iaitu  
*Allāhumma laka ṣumtu wa 'alā rizqika aʃtaru,  
 dhahaba al-żama'a wa ibtallat al-'arūq, wa isbata  
 al-ajru in shā'a Allāh.)*
- Ertinya: ((Wahai Tuhan, kerana-Mu aku berpuasa dan dengan rezeki-Mu aku berbuka, telah hilang dahaga dan basahlah urat-urat badan, dan diperintahkan pahala *insha' Allāh.*))
4. Makan sahur.
  5. Memberikan makanan berbuka puasa kepada orang yang berpuasa.
  6. Melambatkan makan sahur.
  7. Membanyakkan bersedekah dalam bulan puasa, kerana amal kebajikan dalam bulan yang mulia ini sangat besar pahalanya daripada sebarang kebajikan yang dibuat dalam bulan-bulan yang lain.
  8. Membanyakkan membaca al-Qur'an.
  9. Membanyakkan beriktikaf di masjid terutama pada sepuluh hari yang akhir dari bulan Ramadan. Gunanya selain daripada segala yang terlarang, maka yang utamanya ialah menjaga Laylah al-Qadar.
  10. Menjauhi tutur kata yang tidak berfaedah dan umpat keji.
- Demikian pati dan kesimpulannya.
- Selamat berpuasa!

#### Kitab-kitab Mengenai Sembahyang

- |   |        |
|---|--------|
| 1. Ibadat Rasulullah (SAW)                  | \$3.00 |
| tambah belanja pos 20 sen.                  |        |
| 2. Pelajaran Sembahyang (Allāhu akbar)      | \$1.20 |
| 3. Pelajaran Sembahyang (Allāhu akbar)      |        |
| mengenai imam, makmum, masbūq               |        |
| dan lain-lainnya.                           |        |
| 4. Mari Sembahyang (Buat lelaki)            | \$1.20 |
| 5. " " (Buat perempuan)                     | \$1.20 |
| dari 2, 3, 4 dan 5 pesanan hendaklah        |        |
| tambah belanja buku-buku pelajaran agama    |        |
| yang mudah sekali dipelajari. Pesan kepada: |        |

QALAM

356/8, Geylang Road,

Singapore, 14.